


**UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,
2009** PG. 22

■ **UiTM Sarawak
Conference** PG. 4
2008

■ **Diploma Show:
Pelajar Grafik**
PG. 34

■ **UiTM Sarawak At
The International
Level** PG. 40

PG. 7



**Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri**

PG. 10



**Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12**

Samarahan II

LAPORAN RETREAT JAWATANKUASA PENGURUSAN REKOD & FAIL PERIBADI

Hajah Khadijah Hj Khalid, PM Pauline Achan dan Suriani Jack

Jawatankuasa Pengurusan Rekod & Fail Peribadi Pelajar (JK Rek) UiTM Sarawak Kampus Samarahan telah menjalankan program Retreat mereka pada 6 Mac 2009 (Jumaat) di Hotel Grand Continental, Kuching. JK Rek yang diketuai oleh Penyelaras iaitu Puan Hjh. Khadijah Hj Khalid merupakan salah satu daripada Jawatankuasa Kualiti di bawah Unit Pengurusan Kualiti UiTM Sarawak. Jawatankuasa ini dianggotai oleh 21 orang Ahli Jawatankuasa (AJK) adalah terdiri daripada para pensyarah dari pelbagai bidang dan beberapa Fakulti di UiTM Sarawak. Para AJK adalah gandingan yang baru dan lama namun uniknya, kesemua AJK adalah di kalangan pensyarah wanita.

Majlis perasmian yang sederhana telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Hajah Fatimah Bujang, Timbalan Pengarah HEA. Turut hadir memberikan sokongan adalah Prof Madya Pauline Achan selaku Ketua Unit Pengurusan Kualiti UiTM Sarawak.

Program Retreat JK Rek. yang telah diadakan ini adalah bertujuan untuk :

- i. Menentukan KPI bagi JK Rek. UiTM Sarawak Kampus Kota Samarahan.
- ii. Menyusun dan mengemaskini aktiviti-aktiviti JK Rek. UiTM Sarawak Kampus Kota Samarahan sepanjang 2009.
- iii. Mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan AJK.



Sebagai mukaddimah, para peserta yang kesemuanya merupakan AJK telah didedahkan kepada konsep Key Performance Indicator (KPI) di mana Penyelaras JK Pengurusan Kualiti UiTM Sarawak iaitu Dr Kuldip Singh telah dijemput untuk menyampaikan pembentangan beliau yang bertajuk Key Performance Indicator (KPI): Measurement & Management. Program seterusnya disusuli dengan perbincangan di kalangan AJK dalam bengkel Penyediaan KPI bagi JK Rek.

Memandangkan program ini adalah merupakan satu bengkel kerja, maka semua AJK terlebih dahulu telah diberikan tugas-tugas meneliti aktiviti-aktiviti JK dan mereka seterusnya diamanahkan untuk membentangkan kertas-kertas kerja masing-masing. Semua AJK telah memberikan kerjasama dengan memberi maklumbalas dalam mengemaskini aktiviti-aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2009 seperti penganjuran Lawatan Penilaian Rekod & Fail Peribadi Pelajar, Lawatan Penandaarasan, serta Bengkel Pengurusan Rekod.

Melihat kepada kerjasama serta komitmen yang telah ditunjukkan oleh semua AJK, Penyelaras JK amat yakin bahawa JK Pengurusan Rekod & Fail Peribadi Pelajar UiTM Sarawak Kampus Kota Samarahan akan dapat membantu dalam memantapkan lagi penyelarasan sistem pengurusan rekod & fail peribadi pelajar di UiTM Sarawak.



Malam Jasamu Dikenang

Disediakan oleh: Norhayati Umar

Majlis Malam Jasamu Dikenang diadakan di Hotel Harbour View pada 19 Mei 2008 jam 7.30 malam. Ianya bertujuan mengenang jasa dan memberi penghargaan kepada pegawai-pegawai UiTM Sarawak yang akan bersara dan berpindah ke kampus induk atau cawangan. Turut hadir pada majlis malam tersebut adalah Prof. Madya Dr. Jamil Hj. Hamali, Pengarah Kampus, Prof. Madya Dr. Hajah Fatimah Bujang, Timbalan Pengarah HEA dan Ketua Bahagian / Program / Unit.

Seramai 6 orang pegawai yang telah/akan bersara dan 2 orang pegawai yang akan berpindah kampus adalah seperti berikut :

1. Pn. Hajah Mazli Shahurain (Bersara)
2. En. Sebri Bujang (Bersara)
3. Pn. Mary Gunjew Nee Gaik (Bersara)
4. En. Mohd Shah Mahat (Bersara)
5. En. Hamdan Razak (Bersara)
6. Pn. Julia Zen (Bersara Pilihan)
7. Prof. Madya Haji Shafi Mohamed (Berpindah Kampus)
8. En. Husrul Nizam Husin (Berpindah Kampus)



Pengarah Kampus UiTM Sarawak, Prof. Madya Dr. Jamil Hj Hamali menyampai hadiah kenangan kepada Hajah Mazli Shahurain.

Semoga pegawai-pegawai ini akan sentiasa mengenang sejarah manis sepanjang perkhidmatan di UiTM Sarawak dan diharapkan majlis sebegini akan terus diadakan sebagai pendorong semangat untuk lebih cemerlang dalam kerjaya masing-masing.



Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan.
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK